

# Berita Manmin

NO. 12 23 OKTOBER 2022



## “Saya gembira menjalani kehidupan iman apabila saya memahami hati dan kehendak Tuhan!”

### ‘Projek Pertumbuhan Iman’ anjuran Persatuan Pastor

Pada musim luruh, sempena musim membaca buku, gereja kita menganjurkan “Kempen Membaca Buku Senior Pastor” selama tiga bulan dari 1 September hingga 30 November sebagai sebahagian daripada ‘Projek Pertumbuhan Iman’.

Persatuan Pastor membantu pertumbuhan rohani anggota gereja dengan memilih 7 buku Dr. Jaerock Lee: «Jejak Tuhan Yesus» (Jilid 1 & Jilid 2), «Tanah yang Kaya dan Subur», «Kehidupan Ketidaktaatan dan Ketaatan», «Tujuh Gereja», «Seperti Jiwasmu pun Sihat» dengan jelas menggariskan cara-cara khusus untuk menjalani kehidupan yang sejahtera dengan memiliki iman yang sejati.

penyelesaian melalui sepuluh bencana Mesir dalam kitab Keluaran.

«Tujuh Gereja» memberi pengajaran kepada gereja dan anggotanya serta membantu mereka untuk mendapatkan imej gereja yang paling ideal manakala «Seperti Jiwasmu pun Sihat» dengan jelas menggariskan cara-cara khusus untuk menjalani kehidupan yang sejahtera dengan memiliki iman yang sejati.

«Kunci untuk Belajar dengan Baik» ialah panduan untuk mempelajari rahsia belajar dengan bersandar kepada Firman Tuhan yang merupakan asas kebijaksanaan dan pengetahuan, serta mencapai matlamat dalam hidup.

“Kempen Membaca Buku Senior Pastor” diadakan sebanyak dua kali pada tahun lepas, dengan sejumlah 16 buku terpilih, termasuklah buku «Pesanan Salib», «Ukuran Iman», «Syurga» (Jilid 1 & Jilid 2), «Neraka», «Abraham, Sahabat Tuhan, Israel Umat Pilihan-Ku, Keturunan Abraham, Sahabat-Ku», dan «Aku akan Mengutus Nabi Elia kepada Kamu», dengan penyertaan aktif dan sambutan yang hangat daripada anggota.

Anggota Manmin memuliakan Tuhan dengan mengalami karya Roh Kudus seperti pertumbuhan rohani, kesembuhan penyakit dan mendapat

jawapan bagi kehendak hati mereka melalui Firman Tuhan yang merupakan asas iman serta menyediakan jalan bagi iman yang sejati dan rahsia keberkatan.

Diaken Geumok Yoon (Usia 76, Paroki Cina) menyedari kehendak Tuhan ketika membaca buku Dr. Jaerock Lee, dan bertindak dalam iman. Hasilnya, dia sembah sepenuhnya daripada gastrik atopik yang kronik dan polip hiperproliferatif tanpa pembedahan. Diaken Moonja Kim (Usia 73, Gereja Kesucian Manmin Suncheon) mengalami penghilangan arthritis degeneratif dan benjolan sebesar saiz penumbuk di belakang lututnya.

Diaken Sanghyeon Moon (Usia 58, Paroki Keempat) dapat membaca buku apabila penglihatannya bertambah baik, yang sebelumnya hanya dapat membaca tulisan berwarna akibat kerosakan retina. Selain itu, Diaken Youngshim Gwak (Usia 82, Paroki Pertama) diberkati untuk dapat membaca Hangeul (bahasa Korea), dan Diaken Soondeok Choi (Usia 64, Paroki Pertama) dapat menjual rumahnya yang tidak terjual selama 12 tahun. Kesaksian kesembuhan, jawapan dan berkat yang diterima oleh ramai anggota Manmin berterusan.

«Kehidupan Ketidaktaatan dan Ketaatan» meneroka inti pati masalah dalam kehidupan dan mencari


### Berita bergambar

Ibadat Petang Ahad pada 21 Ogos dipersembahkan sebagai 'Ibadat Pelantikan 2022'. Pendeta Dr. Soojin Lee, Naib Presiden Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus, merasmikan Upacara Pelantikan sebagai bahagian kedua ibadat selepas khutbah yang bertajuk "Mati di Yerusalem" (Lukas 13:31-33) pada bahagian pertama.

Bahagian ketiga ibadat diteruskan dengan ucapan tahniah daripada Diaken Kanan Boaz Lee, ucapan balasan daripada Pastor Keumran Hwang, lagu pujian tahniah daripada Diaken Seungwon Seo, penyampaian plak pelantikan, dan doa pemberkatan.



### Contoh buku Dr. Jaerock Lee




**Pesanan Salib**

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.



**Syurga (I)**


Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



**Neraka**

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.

 **URIM BOOKS**



**Tuhan Penyembuh**

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.

Website: [www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com) Blog: [blog.naver.com/urbooks](http://blog.naver.com/urbooks) Facebook: [facebook.com/urbooks17](https://facebook.com/urbooks17)

### Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkaan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

"[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia." (Kisah Rasul-rasul 17:25)  
 "Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita." (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Jesus datang ke dunia ini dalam bentuk manusia dan menanggung semua penderitaan di bumi. Dia akhirnya membuka jalan untuk keselamatan manusia dengan menunjukkan kasih-Nya di atas kayu salib. Marilah kita pada hari ini menyelidiki ketentuan dalam hal Yesus dicambuk dan menumpahkan darah-Nya.

### 1. Yesus dicambuk dan menumpahkan darah-Nya

Sebelum penyaliban, Yesus dicambuk pada seluruh tubuh-Nya. Dia terluka dengan teruk sehingga tulang-tulang-Nya terdedah di bawah kulit-Nya.

Apabila seorang askar yang terlatih dalam tentera Roma menghayunkan cambuk, cambuk itu melilit sekeliling tubuh Yesus satu setengah kali dan mengoyakkan daging-Nya. Pada hujung cambuk ada objek-objek logam yang tajam seperti mata kail yang menusuk daging-Nya dan apabila askar menarik cambuk itu, objek-objek tajam ini mengoyakkan cebisan daging bersamanya.

Mengapakah Yesus harus mengalami penderitaan yang begitu berat dan menumpahkan darah-Nya dengan cambukan sedemikian? Bahagian akhir Yesaya 53:5 menyatakan, "...kita disembuhkan kerana luka-lukanya." Yesus dicambuk dan menumpahkan darah-Nya untuk memberi kita kesembuhan daripada pelbagai penyakit.

Jesus berkata kepada seorang lumpuh dalam Matius 9:2, "Teguhkanlah hatimu, anak-Ku! Dosamu sudah diampunkan." Kita dapat melihat bahawa Yesus menguruskan masalah dosa sebelum menyembuhkan orang lumpuh. Dalam Yohanes 5:14, Yesus juga memberitahu seorang lelaki yang sudah lama sekali sakit, "Sekarang kamu sudah sembuh. Janganlah berdosa lagi, supaya kamu tidak ditimpa perkara yang lebih dahsyat." Ayat ini mengingatkan kita bahawa walaupun kita mungkin telah bertaubat dan menerima pengampunan Tuhan atas dosa kita, kita mungkin akan ditimpa penyakit yang lebih teruk daripada sebelumnya jika kita kembali kepada cara hidup yang berdosa.

Oleh sebab punca penyakit ialah dosa dan penebusan daripada penyakit memerlukan penumpahan darah (Ibrani 9:22), Yesus membebaskan kita daripada semua jenis penyakit dengan dicambuk dan menumpahkan darah-Nya.

Pesanan Salib (12)

## Ketentuan Yesus Dicambuk dan Menumpahkan Darah-Nya

"Kristus sendiri memikul dosa kita pada tubuh-Nya di kayu salib, supaya kita bebas daripada kuasa dosa, lalu hidup menurut kehendak Allah. Luka-luka Kristuslah yang menyembuhkan kamu" (1 Petrus 2:24)

### 2. Kita harus percaya bahawa Yesus dicambuk untuk kita dan mengatakan bahawa kita percaya

1 Petrus 2:24 menyatakan, "Luka-luka Kristuslah yang menyembuhkan kamu." Oleh itu, sesiapa yang percaya bahawa Yesus telah menebus kita daripada penyakit kita dengan dicambuk dan menumpahkan darah-Nya tidak perlu lagi diseksa oleh apa-apa kelemahan tubuh atau penyakit (Matius 8:17).

Sesetengah orang berkata, "Saya kadang-kadang berbuat dosa kerana saya lemah. Sukar bagi manusia untuk hidup sepenuhnya berdasarkan Firman Tuhan." Namun begitu, perhatikan bahawa Amsal 18:21 menyatakan, "Kata-kata yang diucapkan mempunyai kuasa untuk menyelamatkan ataupun membinasakan. Orang harus merasakan kesan kata-kata mereka." Apabila anda mengaku dalam apa-apa keadaan atau situasi bahawa "Saya kuat dan dipenuhi oleh Roh Kudus dengan rahmat Tuhan," anda akan menerima rahmat dan kekuatan berdasarkan pengakuan iman anda, dengan mudah dapat mengatasi keletihan, dan mengubah "yang mustahil" menjadi "tidak mustahil."

Dalam menerima doa untuk kesembuhan, jika anda mengaku, "Saya percaya bahawa saya telah sembuh," dan bukannya mengaku "Saya percaya bahawa saya akan sembuh oleh doa," Tuhan akan melakukan karya-Nya mengikut pengakuan iman anda. Sekarang, sesetengah orang mungkin bertanya, "Bagaimanakah saya dapat mengatakan bahawa saya telah sembuh sedangkan saya masih berasa sakit? Tidakkah saya berbohong?" Jika mereka mempunyai pengetahuan tentang iman rohani, mereka akan dapat memahami perkara ini dengan mudah.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Ibrani 11:1, "Beriman bererti yakin sungguh-sungguh akan perkara-perkara yang diharapkan, dan mempunyai kepastian akan perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat," iman bukanlah dengan cara mengaku sesuatu hanya apabila telah menyaksikannya, tetapi iman ialah kesedaran dan keyakinan terhadap perkara-perkara yang belum kelihatan seperti yang anda harapkan dengan iman. Mengaku dengan lidah anda, "Aku percaya" apabila anda tidak percaya dengan hati tidak akan membawa kepada pengabulan perkara yang anda harapkan. Hanya apabila

anda mengaku dengan iman yang dapat anda percaya, perkara yang anda harapkan akan menjadi kenyataan.

Jika anda percaya dengan hati dan mengaku dengan lidah anda, “Dengan kuasa Tuhan, penyakit dan kelemahan telah meninggalkan tubuh saya,” Tuhan Yesus akan melakukan karya-Nya sesuai dengan iman anda. Jika anda tidak dapat percaya atau mengaku seperti ini, penyakit tidak akan meninggalkan anda kerana anda masih berfikir, “Saya masih dalam kesakitan. Saya belum sembuh.” Tanpa iman, anda hanya dapat terus berada dalam kesakitan dan penderitaan. Akibat pemikiran negatif yang sedemikian, anda tidak dapat mengalami karya Tuhan.

### 3. Sesetengah orang berkata “Aku percaya” tetapi masih tidak dapat menerima kesembuhan

Jika orang berterusan menderita akibat penyakit, walaupun mereka mengatakan bahawa mereka percaya kepada Yesus yang dicambuk dan melalui cambukan itu Dia menebus mereka daripada penyakit mereka, hal ini adalah kerana mereka tidak hidup berdasarkan kebaikan Tuhan.

Keluaran 15:26 menyatakan, “Jika kamu sungguh-sungguh mentaati Aku, TUHAN, Allah kamu, dengan melakukan apa yang benar di sisi-Ku, serta menurut segala perintah-Ku, Aku tidak akan menghukum kamu dengan penyakit yang Aku timpakan kepada orang Mesir. Akulah TUHAN yang menyembuhkan kamu.”

Dalam istilah rohani, “Mesir” merujuk kepada dunia tempat kita hidup dan “Sepuluh Bencana” yang menimpa Mesir merujuk kepada semua penyakit yang wujud di dunia ini. Jika kita mematuhi dan hidup menurut perintah Tuhan, kita tidak akan ditimpa apa-apa jenis penyakit. Walaupun kita jatuh sakit, Tuhan akan menyembuhkan kita sebaik sahaja kita bertaubat dan berpaling dari jalan kita.

Namun begitu, anda perlu menjadi baik bukan menurut pandangan anda, tetapi menurut pandangan Tuhan. Kebaikan manusia berbeza antara seorang dengan seorang yang lain kerana keadaan hidup dan nilai yang dilihat, didengar dan dipelajari oleh mereka apabila mereka membesar adalah berbeza. Seseorang mungkin menganggap bahawa tingkah lakunya adalah “baik” tetapi orang lain mungkin berasa bahawa tingkah laku itu “tidak baik”.

Apa-apa perkara adalah benar-benar baik hanya apabila Tuhan menganggapnya “baik”, dan satu-satunya kriteria untuk menentukannya ialah Firman Tuhan yang sendiri merupakan kebenaran. Sebaik contoh, apabila anak-anak balik ke rumah dalam keadaan menangis setelah dipukul, ibu bapa menjadi kesal dan cuba bercakap

dengan ibu bapa kanak-kanak yang lain. Kebaikan Tuhan memberitahu kita bahawa, “Jika seseorang menampar pipi kamu yang sebelah, biarkan dia menampar pipi kamu yang sebelah lagi”, “usahakanlah kedamaian” dan “kasihilah sekalipun musuh kamu” Anda mungkin berasa bahawa anda mengalami kerugian dalam mengikuti kebaikan Tuhan, tetapi pada akhirnya Tuhan akan mengiktiraf dan meninggikan anda.

Sesetengah orang mungkin tertanya-tanya, “Bagaimakah saya dapat mematuhi semua perintah Tuhan?” Namun begitu, mematuhi dan hidup menurut perintah Tuhan bukanlah tugas yang sukar. Jika anda percaya dan menjalani hidup anda dengan sentiasa mengingatkan diri anda, “Roh Kudus sentiasa membantu saya dan oleh sebab Tuhan memberikan saya rahmat dan kekuatan, saya dapat melakukannya dengan mudah,” maka perkara ini akan menjadi lebih mudah. Jika anda mengasihi Tuhan dan menumpukan perhatian kepada kemuliaan dan ganjaran Syurga, mematuhi perintah Tuhan bukanlah tugas yang sukar.

Jika anda berfikir, “Saya mempunyai begitu banyak dosa untuk disingkirkan dan hal ini akan mengambil masa yang sangat lama untuk saya menyingkirkan semuanya!” cubalah anda tulis satu senarai dosa yang anda rasakan paling sukar untuk anda singkirkan. Hal ini sama seperti sebaik sahaja akar yang terbesar dicabut dari tanah, akar-akar yang kecil juga mudah dicabut. Apabila orang keluar daripada kegelapan dan mula hidup dalam Cahaya, tembok dosa yang menghalang jalan mereka kepada Tuhan akan musnah. Iman yang dengannya mereka percaya akan datang kepada mereka dan mereka dapat mengalami karya Tuhan.

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus, ketika dicambuk dan menumpahkan darah-Nya, Yesus menebus kita daripada semua penyakit dan kelemahan tubuh. Oleh sebab anda telah bertemu Tuhan Yang Maha Penyembuh, saya berharap akan akan sembuh sepenuhnya daripada semua penyakit anda dan mematuhi perintah Tuhan dengan tekun.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)

E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee


Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)

## SOROTAN KHAS

## Saya tidak akan melupakan hari Ebola berakhir oleh doa penuh kuasa!

Pada 31 Julai, semasa Ibadat Petang Ahad, Diaken Kanan Sebastian Impeto Pengo (Gereja Manmin Kinshasa, Republik Demokratik Congo) yang berkunjung ke Korea untuk menghadiri Retret Musim Panas Manmin 2022 telah menyampaikan khutbah kesaksiannya. Dia berkongsi kesaksian melalui khutbahnya yang bertajuk, "Tiada yang Mustahil bagi Orang yang Percaya" bahawa Ebola telah berakhir oleh doa Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee.

Kejadian ini berlaku pada tahun 2014 semasa saya sedang menjalankan tugas saya sebagai Gabenor Wilayah Equateur di Republik Demokratik Congo.

Wabak berlaku di bandar Boende di dalam daerah Djera, kira-kira 500 batu dari Mbandaka, ibu kota wilayah Equateur. Penyakit itu sangat membimbangkan kerana jumlah kematian meningkat pada setiap hari. Kerajaan yang terdiri daripada tiga pasukan kerja dibahagikan ke tiga bandar di Boende, Mbandaka, dan Kinshasa. Strategi tindak balas kami adalah dengan memantau perkembangan harian di lapangan. Saya memimpin pasukan di Mbandaka. Kes kontak meningkat pada setiap hari dengan risiko tidak mencapai kes kontak

yang lain.

Presiden Republik Demokratik Congo menghubungi saya untuk meminta saya melakukan segala-galanya agar penyakit itu tidak sampai ke Mbandaka kerana risiko penyakit sampai ke ibu kota Kinshasa akan menyebabkan negara kami berisiko untuk diasingkan oleh masyarakat antarabangsa.

Perkara ini merupakan satu beban yang berat untuk saya dan cabaran yang besar. Hal ini bermaksud bahawa harapan semua orang terletak pada bahu saya. Tiada apa-apa yang dapat saya lakukan. Saya menghubungi pastor saya melalui panggilan telefon atas sebab kesukaran yang melampau dan beban yang saya tanggung.

Pastor saya berkata, "jika kamu percaya, segala-galanya dapat terjadi. Kamu dapat melihat kemuliaan Tuhan jika kamu percaya." Kemudian, saya teringat pada Tuhan gembala kita, yang menjadikan perkara yang mustahil pada pandangan manusia dapat terjadi. Saya menghantar permohonan doa kepada Dr. Jaerock Lee, gembala kita untuk memohon rahmat Tuhan.

Menakjubkan sekali, selama 15 hari dari hari saya menerima doa daripada Dr. Jaerock Lee, tiada kes baharu malah orang yang sakit telah sembuh.

Presiden mengisyiharkan

berakhirnya wabak Ebola di podium Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Haleluyah!

Diaken Kanan Sebastian menerima sebuah buku yang bertajuk, "Mengecap Kehidupan Abadi sebelum Kematian" daripada seorang rakan sekerja. Apabila membaca buku itu, dia berasa sangat terharu oleh kesaksian Dr. Jaerock Lee yang menjadi revivalis di seluruh dunia selepas disembuhkan daripada semua penyakit apabila bertemu dengan Tuhan, dan dia kemudiannya menjadi anggota Gereja Manmin Kinshasa.

Apabila Diaken Kanan Sebastian mendaftarkan diri di gereja pada tahun 2009, dia ialah seorang kaunselor Menteri Alam Sekitar dan Pelancongan. Selepas menerima doa Dr. Jaerock Lee pada tahun 2011, dia menjadi datuk bandar Mbandaka, ibu kota Equateur. Pada tahun 2013, dia menjadi timbalan gabenor Equateur. Dia kemudian dinaikkan pangkat sebagai gabenor selepas jawatan itu dikosongkan atas sebab rawatan perubatan gabenor pada tahun 2014 apabila Ebola merebak pada bulan Ogos.

Pada 16 September tahun itu, Diaken Kanan Sebastian menghantar e-mel ke Gereja Pusat Manmin memohon doa untuk penghapusan virus Ebola. Selepas Dr. Jaerock Lee berdoa pada 21 September untuk pengakhiran Ebola, Ebola berakhir di Republik Demokratik Congo.





Keshav Dev  
(Usia 30, Uttar Pradesh, India)

“  
**Ibu saya yang menerima hukuman mati di hospital semakin pulih selepas menerima doa.**  
”



## KESAKSIAN

Ibu saya (Nemwati Devi, Usia 50) mengalami pendarahan otak sejak lima tahun yang lalu. Kesihatannya merosot lalu dia dimasukkan ke hospital pada bulan Mac 2022. Dia sama sekali tidak dapat menggerakkan badannya, dan tidak dapat bercakap. Kemudian, pada bulan Julai yang lalu dia tidak sedarkan diri.

Para doktor mengatakan bahawa tiada lagi rawatan yang boleh dilakukan, dan bahawa dia hanya dapat hidup untuk sehari dua lagi. Mereka meminta saya untuk menjaga ibu saya dengan baik di rumah selama baki hidupnya.

Apabila mendengar kata-kata mereka, saya terasa seolah-olah dunia ini runtuh. Saya tidak boleh membiarkan ibu saya mati dalam keadaan sedemikian, jadi saya mencari ‘Doa untuk Orang Sakit’ menerusi YouTube supaya ibu saya dapat menerima doa.

Sebenarnya, kami dari keluarga Hindu tetapi selama beberapa bulan kami menghadiri gereja yang berdekatan melalui penginjilan oleh seorang rakan.

Selepas menemui ‘Doa untuk Orang Sakit’ melalui saluran Youtube ‘GCNTV Hindi’, saya menerima doa itu bersama dengan ibu saya. Betapa saya gembira apabila melihat keadaan ibu saya bertambah baik.

Saya menghubungi Gereja Manmin Delhi iaitu pemilik saluran tersebut dan bercakap tentang keadaan ibu saya. Kemudian pihak yang menerima panggilan telefon daripada saya menjelaskan langkah demi langkah untuk mendapatkan jawapan.

Pertama, dia berkata bahawa keluarga saya harus bertaubat untuk keadaan ibu yang tidak sedarkan diri, dan bahawa dengan mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee, “Pesanan Salib” yang mengandungi ketentuan keselamatan, kami perlu tahu mengapa hanya Yesus ialah Penyelamat kami dan menerima-Nya dengan sepenuh hati kami.

Oleh itu, seluruh keluarga saya mendengar khutbah “Pesanan Salib”, memahami kehendak Tuhan, berdoa pertaubatan, dan menerima Yesus Kristus.

Selepas itu, kami sekali lagi menerima doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit. Ibu saya sedar dan dapat bergerak sendiri, jadi beg air kencing juga ditanggalkan.

Pada pagi 1 Ogos semasa Retret Musim Panas Manmin, ketika bersedia untuk perjumpaan kesembuhan ilahi, kami menerima doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit, lalu ibu saya mulai dapat bercakap. Setelah menerima doa Dr. Soojin Lee dalam perjumpaan kesembuhan ilahi, ibu saya dibenarkan keluar dari hospital dan kesihatannya pulih.

Kami memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Pencipta yang hidup dan berkarya bahkan hingga sekarang dan juga kepada Tuhan Yesus yang penuh kasih yang membuatkan kami mengetahui jalan keselamatan yang sejati dan memimpin kami ke syurga.



## “Saya mahu bercakap tentang Tuhan Yesus yang menyembuhkan penyakit tiroid dan aritmia.”

Diaken Hyangsoon Park (Usia 79, Paroki ke-14)

Mulai Februari 2022, saya sering berasa mengantuk dan letih. Selepas bekerja, saya terpaksa berbaring, kemudian kembali bekerja. Berat badan saya juga bertambah akibat edema. Pada 20 April, saya menjalani pemeriksaan hospital kerana saya berasa ada sesuatu yang tidak kena dengan kesihatan saya. Kemudian, saya didapati positif kanser tiroid. Saya berasa terkejut dengan keputusan yang tidak saya angka.

Doktor saya memberitahu saya untuk mendapatkan pemeriksaan secara menyeluruh di hospital pakar tiroid. Apabila saya diperiksa oleh pakar tiroid, saya juga didapati positif kanser tiroid. Kemudian, doktor membuat tempahan untuk saya menerima pemeriksaan di hospital terbaik di Korea pada 23 Jun.

Namun begitu, saya membuat keputusan untuk disembuhkan oleh Tuhan melalui perjumpaan kesembuhan ilahi yang diadakan sebulan kemudian. Saya berdoa dengan tekun dengan iman dan mempersiapkan diri saya. Saya membaca Alkitab sebanyak dua kali dan menyalinnya satu kali, serta cuba untuk mencapai hati yang dikehendaki Tuhan dengan menyalin khutbah “Bab Kasih” dan “Ukuran Iman”.



Pada 27 Mei, saya menghadiri perjumpaan kesembuhan ilahi menerusi GCN. Rahmat dan emosi memenuhi saya dari permulaan.



Selepas Dr. Soojin Lee, Pemanangan Kanan berdoa untuk semua pesakit dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12), perkara yang menakjubkan berlaku.

Selama dua tahun, jantung saya berdegup

kencang dan muka saya panas akibat aritmia, tetapi gejala ini telah hilang. Selain itu, seminggu yang lalu, saya mengalami nekrosis kulit pada pergelangan tangan kiri. Selepas saya menerima doa, nekrosis itu berhenti lalu kulit baharu terbentuk.

Pada 31 Mei, dalam “Perjumpaan Doa Roh Kudus” di Paroki saya yang dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin, rahmat pertaubatan datang kepada saya dengan hebat lalu saya bertaubat sepenuhnya dengan linangan air mata. Sejak itu, saya berdoa dengan linangan air mata pada setiap hari.



Pada 23 Jun, saya menjalani biopsi pada tarikh janji temu yang ditetapkan oleh doktor hospital pakar tiroid. Pada 29 Jun, keputusan ujian adalah negatif dan dalam keadaan normal.

Pada 1 Ogos, saya dapat berjalan dengan baik selepas menerima doa semasa perjumpaan kesembuhan ilahi dalam Retret Musim Panas Manmin walaupun saya tidak dapat berjalan atau berlari dengan baik akibat sakit lutut selepas pembedahan belakang saya empat tahun yang lalu. Tubuh saya terasa ringan dan saya berasa sangat gembira sehingga saya berasa seolah-olah saya dapat terbang.

Saya mahu menyampaikan kasih Tuhan Yesus yang menyembuhkan saya dengan begitu menakjubkan kepada ramai orang. Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Triniti yang memberkati saya untuk memulihkan iman saya yang suam-suam kuku dengan mengalami kuasa besar Tuhan.